

LESEN BERNIAGA DIBAWAH ORDINAN LESEN PERNIAGAAN, 1948

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Melengkapkan Borang Lesen Berniaga.
- Berusia 18 tahun ke atas. Penduduk tempatan/tetap negeri Sabah atau memiliki pas kerja bagi penduduk Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagi warganegara asing hendaklah melalui pertubuhan syarikat yang berdaftar dan memiliki pas kerja.

DOKUMEN SOKONGAN

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERSEORANGAN / PERKONGSIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan dan/atau disewa (salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Salinan kad pengenalan
3. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI SDN.BHD / BERHAD ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Perjanjian sewa premis di antara pemilik dengan pemohon atau Perjanjian sewa beli sekiranya pemohon adalah pemilik premis perniagaan atau Surat kebenaran daripada pemilik lesen sedia ada untuk berkongsi premis perniagaan dan/atau disewa (salinan lesen berniaga jika perlu)
2. Borang 49 dan Borang 9
3. Pas Kerja sekiranya pemohon bukan penduduk tetap Negeri Sabah
4. Salinan kad pengenalan bagi pengurus
5. Suratkuasa dari syarikat bagi Pengurus yang dilantik, sekiranya pengurus adalah bukan salah satu pengarah syarikat.
6. Salinan resit/slip pembayaran cukai pintu yang terkini

Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Jaksa Pendamai / Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal, manakala Borang 9 Dan 49 Yang Disahkan Oleh Setiausaha Syarikat Boleh Diterima

DOKUMEN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI KEDAI RUNCIT KAMPUNG

1. Surat sokongan JKKK (melalui surat / minit mesyuarat JKKK)
2. Surat pengesahan daripada Ketua Kampung
3. Salinan kad pengenalan
4. Salinan geran tanah (jika ada)
5. Pelan lokasi
6. Salinan cukai pintu yang terkini (jika ada)

Semua Salinan Dokumen Yang Disertakan Hendaklah Disahkan Benar Oleh Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Jaksa Pendamai/Kerani Pelesenan Dengan Membawa Dokumen Asal

KADAR LESEN

- RM25.00/setahun dan RM10.00 caj pemprosesan